

PM mahu KL, Jakarta kembang kerjasama

BH - 17/1/2006

Kedua-dua negara rugi jika tak rebut peluang kenaikan harga minyak

JAKARTA: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, banyak peluang yang boleh diambil sekarang ketika harga minyak tinggi untuk Malaysia dan Indonesia mengembangkan kerjasama dalam bidang itu.

Kerjasama yang dicadang diberi tumpuan ialah di kawasan kaya minyak dan sempadan di Laut Sulawesi yang menjadi isu tuntutan bertindih kedua-dua negara.

Perdana Menteri berkata, Malaysia dan Indonesia akan sama-sama rugi kalau kesempatan itu tidak diambil sedangkan harga minyak sekarang tinggi dan kedua-dua negara juga perlu membayar harga minyak yang tinggi.

"Kalaupun ada kerjasama antara (syarikat minyak Malaysia) Petronas dan (syarikat minyak milik Indonesia) Pertamina itu tidak menjadi satu tanda bahawa kita hendak menangguhkan perbincangan soal hak atas wilayah. Isu ini memang harus dibincangkan," katanya dipetik akhbar *Koran Tempo*, semalam.

Akhbar itu melaporkan sebahagian hasil temu bual antara dua war-

tawannya dengan Abdullah ketika Perdana Menteri berada di Bukit Tinggi, Padang di Sumatera Barat untuk mengadakan rundingan tahunan dengan Presiden Indonesia, Susilo Bambang Yudhoyono, pada Khamis dan Jumaat lalu.

Kepada soalan akhbar itu sama ada tawaran oleh Malaysia untuk Petronas dan Pertamina bekerjasama menguruskan minyak di Laut Sulawesi di

“ *Malaysia dan Indonesia akan sama-sama rugi kalau kesempatan tidak diambil sedangkan harga minyak sekarang tinggi* **”**

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

blok yang dipanggil Ambalat di sini menandakan Malaysia tidak yakin menang dalam perundingan yang sedang dijalankan, Abdullah menjawab:

"Kenapa semua berfikir begitu? Sedangkan kami hendak bekerjasama. Dengan negara lain kami sudah bekerjasama, kenapa dengan Indonesia begitu jelek fikirannya?"

"Kalau kita hendak selesai, kita boleh tunggu hingga selesai. Malaysia berasa wilayah ini milik kami. Indonesia juga menyatakan bahawa kawasan ini Indonesia punya.

"Hendak cari pihak ketiga, katanya, ada sedikit keengganan. Tak mahu ada pihak ketiga. Jadi, mahu tidak mahu, kita harus terus bincang."

Mengenai sama ada Malaysia menetapkan jangka waktu untuk menyelesaikan masalah sempadan itu, Perdana Menteri berkata, ia bergantung kepada kedua-dua pihak sejauh mana perundingan dilakukan mampu mencapai penyelesaian.

"Yang penting kita tak hendak menangguhkan (penyelesaian masalah sempadan di Laut Sulawesi itu)," katanya.

Mengenai kesepakatan baru antara Malaysia dengan Indonesia untuk menangani tenaga kerja Indonesia tanpa izin di Malaysia, Abdullah berkata, Malaysia hendak mengurangkan kemasukan mereka.

Perdana Menteri berkata, dalam hal itu kedua-dua pihak harus melaksanakan peranan sebab memang ada orang tidak bertanggungjawab.

"(Di sini ada) mereka yang mencari kesempatan mengirim orang ini (pendatang) meskipun tidak ada visa atau tanpa izin. Tapi, malangnya di sebelah sana (Malaysia) juga ada yang menerima mereka (pendatang itu)," katanya.

Itu yang membuat masalah bagi Malaysia dan Indonesia dan akibatnya timbul reaksi rakyat yang jelas sekali tidak menyukai apa yang berlaku, katanya.

Tanpa mahu mengulas lanjut, Perdana Menteri berkata, setakat ini telah ada beberapa kemajuan yang dicapai dalam rundingan antara kedua-dua negara dalam usaha menyelesaikan kemasukan tenaga kerja Indonesia tanpa izin itu. - Bernama